

5.9.2022

Kenyataan Media
oleh DATO' SERI IR. JASENI MAIDINSA
CEO, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) dan
PBA Holdings Bhd (PBAHB).

MENTERI PERSEKUTUAN HENDAKLAH FOKUS KEPADA PAMPASAN PERSEKUTUAN UNTUK PEMULIHARAAN ULU MUDA DAN SUNGAI MUDA

- **Adalah menjadi tugas Menteri Alam Sekitar dan Air untuk mendapatkan dana Persekutuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk memulihara Ulu Muda dan Sungai Muda dan bukannya memaksa Pulau Pinang membayar Kedah.**

PULAU PINANG, Isnin, 5.9.2022: Menteri Alam Sekitar dan Air sepatutnya berusaha untuk mendapatkan pampasan Persekutuan untuk Kedah dan bukannya memaksa Pulau Pinang membayar Kedah untuk air dari Sungai Muda.

Beliau adalah Menteri Persekutuan. Gaji beliau adalah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan dan kementeriannya mempunyai akses kepada dana Persekutuan.

Beliau harus sedar bahawa rakyat dan perniagaan di Pulau Pinang membayar berbilion ringgit cukai Persekutuan kepada Kerajaan Persekutuan setiap tahun. Pulau Pinang menyumbang anggaran *RM94.7 bilion dalam sumbangan KDNK dan anggaran **RM10.5 bilion hasil cukai Persekutuan pada tahun 2019.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang membentangkan bajet negeri tahun 2022 dengan unjuran defisit RM449.8 juta.

Oleh itu, meminta Pulau Pinang membayar Kedah untuk mendapatkan air mentah adalah seperti memerah air daripada batu.

Jika Menteri berkenaan benar-benar yakin bahawa Kedah perlu diberi pampasan untuk memulihara Ulu Muda, beliau harus memberi tumpuan kepada pampasan Persekutuan untuk Kedah. Lagipun, ia adalah tugas dan

tanggungjawab beliau.

Daripada bercakap tentang “kewajipan moral”, beliau juga harus berhadapan dengan fakta:

Pulau Pinang tidak membayar Kedah untuk air mentah dari Sungai Muda kerana tiada kewajipan undang-undang yang memaksa Pulau Pinang membayar air mentah yang diabstrak dari Sungai Muda.

Terdapat sebab kukuh mengapa tiada kewajipan undang-undang bagi Pulau Pinang untuk membayar Kedah untuk air mentah dari Sungai Muda:

- Titik di tengah-tengah Sungai Muda mentakrifkan sebahagian daripada sempadan Pulau Pinang dan Kedah.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di dalam wilayah Pulau Pinang.

Muka sauk Lahar Tiang PBAPP terletak di Seberang Perai, dan bukan di Kedah. Oleh itu, PBAPP membayar caj air mentah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengabstrak air mentah dari Sungai Muda yang mengalir melalui Pulau Pinang.

Ulu Muda dan Sungai Muda adalah aset air NCER

Pada hakikatnya Ulu Muda, kawasan tadahan air Sungai Muda, terletak di Kedah. Bagaimanapun, pemuliharaan Ulu Muda bukan sahaja memberi manfaat kepada Pulau Pinang.

Kedah dan Perlis juga sama-sama bergantung kepada air hujan yang ditakung di hutan hujan Ulu Muda yang kemudiannya mengalir ke Sungai Muda.

Perlis, Kedah dan Pulau Pinang adalah tiga negeri dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara Malaysia (NCER).

Dalam konteks ini, Ulu Muda dan Sungai Muda wajar dianggap sebagai “aset air NCER” yang memberi kemudahan di tiga negeri NCER.

Menteri Alam Sekitar dan Air harus memanfaatkan sudut “aset air NCER” ini dalam mendapatkan pampasan untuk Kedah.

Bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP, kami menyokong penuh pemberian dana Kerajaan Persekutuan kepada Kedah untuk kemampanan dan pemuliharaan jangka panjang Ulu Muda dan Sg. Muda.

Bagaimanapun, terpulang kepada Menteri Alam Sekitar dan Air untuk melaksanakan perkara itu.

Sumber:

* Perlis, Kedah and Penang Socioeconomic Reports 2019, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

** “Tax revenue constitutes 11.1% and non-tax revenue 4%, as percentage of GDP.”

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/11/06/fiscal-policy-2021-highlights>

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my